

**MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA  
KES NO. 6(5)/4-1255/13**

**DI ANTARA**

**LIM YAN TING**

**DENGAN**

**INFINITE QL SDN. BHD.**

**AWARD NO: 248 TAHUN 2018**

**DI HADAPAN** : **Y.A. TUAN SAPINI BIN MAT SAMAN**  
**Pengerusi (bersidang berseorangan)**

**TEMPAT** : Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur

**TARIKH RUJUKAN** : 21 Ogos 2013

**TARIKH SEBUTAN** : 25.10.2013, 27.11.2013, 22.1.2014, 3.3.2014,  
2.5.2014, 7.8.2014, 5.1.2015, 16.1.2015, 29.9.2015,  
14.3.2016 dan 28.4.2016.

**TARIKH BICARA** : 8.9.2014, 9.9.2014, 8.6.2015, 4.1.2016, 11.1.2016,  
26.9.2016, 27.9.2016, 1.3.2017, 2.3.2017 dan  
12.4.2017.

**PERWAKILAN** : Encik Bruce Toh Chen Hsiang bersama  
Encik Tan Chun Ming  
Tetuan Joseph Ting & Co.  
(Peguam Pihak Menuntut)

: Encik Rajakumaran Muthusamy  
Tetuan Ramyogansivam  
(Peguam Pihak Syarikat)

## RUJUKAN

[1] Ini adalah satu rujukan yang dibuat di bawah seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang timbul dari pembuangan kerja **Lim Yan Ting** (selepas ini disebut sebagai "Pihak Menuntut") oleh majikannya **Infinite QL Sdn. Bhd.** (selepas ini disebut sebagai "Pihak Responden") pada 05.02.2013. YB Menteri Sumber Manusia telah merujuk perkara ini pada 21.08.2013 dan diterima oleh Mahkamah Perusahaan pada 17.9.2013 untuk diadili.

## FAKTA KES

[2] Pihak Menuntut telah dilantik sebagai Product Engineer di Bahagian Research and Development di Syarikat Pihak Responden pada 15.6.2009. Gaji asas Pihak Menuntut ketika itu ialah RM4,200.00 dan diletak dalam tempoh percubaan selama 6 bulan. Pihak Menuntut telah disah dalam jawatan pada 1.12.2009 dan gaji terakhir Pihak Menuntut sebelum ditamatkan perkhidmatan ialah RM5,115.00 sebulan. Pihak Menuntut telah ditamatkan perkhidmatan oleh Pihak Responden pada 5.2.2013 atas 5 kesalahan salahlaku iaitu:

- (a) Lateness;
- (b) Doing personal work;
- (c) Disclosing Company information to outsider;
- (d) Not submitting claim on time for others as well as hers; and
- (e) Using Company despatch staff to do personal work.

Pihak Menuntut menafikan kesalahan salahlaku itu atas alasan kegagalan Pihak Responden untuk mengemukakan surat tunjuk sebab dan kegagalan Pihak Responden menjalankan Siasatan Dalaman terhadap semua pertuduhan sebelum Pihak Menuntut ditamatkan perkhidmatan. Pihak Menuntut mendakwa penamatan kerja beliau tanpa sebab dan alasan yang adil.

### **KES PIHAK RESPONDEN**

[3] Pihak Responden telah mengemukakan dua orang saksi untuk memberi keterangan terhadap Pihak Menuntut. Saksi-saksi Pihak Responden ialah:

Siva A/L Rajadurai Chief Operating Officer (COO)	-	COW-1
Minaraman Eksekutif Perakaunan	-	COW-2

Siva A/L Rajadurai (COW-1) di dalam keterangan beliau melalui kenyataan saksi yang ditanda sebagai COWS-1 dan keterangan beliau di Mahkamah menyatakan beliau ialah COO Syarikat dan bertanggungjawab berhubung Pengenalan dan Pemasaran Syarikat dan juga menjalankan urusan pentadbiran Syarikat. Mengikut keterangan COW-1, Pihak Menuntut merupakan Product Engineer di Bahagian R&D dengan gaji asas RM4,500.00 sebulan. Mengikut keterangan COW-1 pada pertengahan bulan Mei 2012, Pihak Responden telah menjumpai inbois bertarikh 15.5.2012 dari Kunming Electronic Company Ltd. yang dialamatkan ke Menon Technologies Sdn. Bhd. yang

telah dihantar ke alamat Syarikat Pihak Responden untuk perhatian Pihak Menuntut (rujuk COB mukasurat 32). COW-1 telah memaklumkan perkara tersebut kepada Encik Deivendran, Pengarah Urusan Syarikat dan satu perjumpaan telah diadakan dan dalam perjumpaan itu Pihak Menuntut mengaku menjalankan pekerjaan lain untuk Encik Menon yang merupakan pelanggan Syarikat dan Pihak Menuntut telah diberi amaran oleh Encik Devendran. Pada awal Januari 2013, Kerani Akaun Syarikat iaitu COW-2 telah menjumpai deposit cek resit di atas meja despatch yang tidak berkaitan dengan Pihak Responden. Mengikut keterangan COW-1 cek-cek itu adalah berkaitan bayaran dari Menon Teknologi Sdn. Bhd. (MTSB) kepada Pihak Menuntut berjumlah RM4,000.00 dan RM800.00 dan sekeping cek lagi atas nama Enoch Chong Ming Xia iaitu bekas pekerja Syarikat (rujuk COB mukasurat 31). Mengikut keterangan COW-1 bahawa MTSB ialah 'former client/business partner' kepada Syarikat Pihak Responden. COW-1 telah diarah oleh Mr. Deivendran (MD) untuk mengeluarkan satu surat tunjuk sebab bertarikh 8.1.2013 kepada Pihak Menuntut dan Pihak Menuntut perlu memberi penjelasan sehingga 11.1.2013 (rujuk COB mukasurat 37). Pihak Menuntut enggan menerima surat tunjuk sebab itu dan tidak mepedulikan surat tersebut. Oleh yang demikian pada 5.2.2013 Pihak Responden telah bertindak menamatkan perkhidmatan Pihak Menuntut (rujuk COB mukasurat 38). Mengikut keterangan COW-1 tindakan Pihak Responden menamatkan perkhidmatan Pihak Menuntut kerana Pihak Menuntut telah melakukan kesalahan yang serius. Berhubung tuntutan '*marriage benefit*' yang dipohon oleh Pihak Menuntut sebanyak RM3,000.00, Pihak Responden tidak membayar kepada Pihak Menuntut ini berdasarkan surat Pihak Responden bertarikh 5.10.2012 yang telah membatalkan pemberian itu kerana keadaan ekonomi pada masa itu tidak begitu baik dan '*marriage benefit*' merupakan pemberian secara '*goodwill*' dan tidak termasuk dalam kontrak

pekerjaan (rujuk COB mukasurat 1-3).

[4] Berhubung tuntutan Pihak Menuntut berkaitan cuti yang tidak dibayar dan kesilapan pemotongan gaji sebanyak RM79.35, COW-1 menyatakan;

*"32. A : For the claim under Paragraph 15(b) the Company states that the Claimant has two(2) days unused/unutilized leave and the Company in the final settlement has included the amount of RM365.36 being the payment for unutilized leave and not 295.10 as claimed by the Claimant.*

*The claimant had refused to acknowledge the final settlement (Exit Form).*

*I would like to refer to page 56 of the Company's Additional Bundle of Documents ("COBA") and the sum of RM365.36 was reflected under the heading "Final Remuneration Due" in the final settlement.*

*For the Claim under Paragraph 15(c) the Company states that the said deduction was lawful and was deducted due to a one day no pay leave, leaving a balance of RM4,203.05 and not RM4,208.05 as claimed by the Claimant.*

*It's also reflected in the Company's payroll for the end of January 2013 and the sum was deposited into the Claimant's account on 6.2.2013."*

Berhubung tuntutan sebanyak RM845.80 oleh Pihak Menuntut, COW-1 menyatakan tuntutan itu hanya menunggu pengesahan Bahagian Kewangan. Begitu juga tuntutan

perbatuan dan *medical bill* telah dibuat bayaran di dalam "Final Remuneration in The Exit Form (rujuk COB A mukasurat 56).

[5] Mengikut keterangan COW-1 berkaitan salahlaku Pihak Menuntut seperti dinyatakan dalam surat penamatan kerja bertarikh 5.2.2013 (COB mukasurat 38) berkaitan tindakan Pihak Menuntut lewat hadir seperti '*attendance summary report*' mukasurat 33 – 35 COB, kelewatan atas alasan trafik dan Pihak Menuntut telah diberi nasihat dan kaunseling. Berhubung dakwaan Pihak Menuntut bahawa Sanjay Menon masih sebagai rakan niaga Encik Deivendran dan mempunyai tempat duduk di Syarikat Pihak Responden hingga 22.5.2012, COW-1 menyatakan;

"42. A : *That is blatant lie by the Claimant Sanjay Menon was a business partner/client and had an intended joint venture project with the Company in 2008 and as this joint venture did not materialize by 2010, he left and and is now operating his own business at Menon Technologies Sdn. Bhd. (MTSB) and the full particulars of the Business can be seen in the Company Search in the COBA at page 49 – 55.*

*Nevertheless the Claimant has no reason to have contact with the said MTSB and receive payment for RM4,000.00 and RM800.00 from the said MTSB.*

*Till to date the Claimant has yet to explain the reason she received cheques issued in her favour from MTSB."*

Kegagalan Pihak Menuntut memaklumkan ada menerima bayaran tersebut dari MTSB adalah merupakan satu kesalahan bagi Pihak Menuntut untuk menerima apa-apa bayaran atau faedah daripada orang lain dan ini melanggar kontrak pekerjaan.

[6] Keterangan saksi kedua Pihak Responden iaitu Minamaran (COW-2) di dalam keterangan dan kenyataan saksinya yang ditanda sebagai COWS-2 menyatakan beliau ialah Eksekutif Perakaunan di Syarikat Pihak Responden pada 25.2.2008 hingga 30.8.2013. Tugas COW-2 ialah menyediakan akaun IQL, akaun harian, menyediakan cek-cek serta payment boucer bagi pekerja-pekerja Syarikat Pihak Responden. Sewaktu COW-2 sedang mengumpul dan mengemas resit serta dokumen dari atas meja Penghantar Surat, COW-2 telah menjumpai resit-resit yang tiada kaitan dengan Pihak Syarikat tetapi didapati atas nama Pihak Menuntut dan Enoch Chong berkaitan Menon Technologies Sdn. Bhd. (MSTB) . Resit-resit ini telah diserahkan oleh COW-2 kepada COW-1 (rujuk COB mukasurat 31). Resit-resit ini kesemuanya bertarikh 22.5.2012. COW-2 menegaskan beliau tidak tahu Syarikat MSTB dan tidak pernah berurusan dengan Syarikat MSTB sewaktu melakukan tugas-tugas perakaunan di Syarikat Pihak Responden. COW-2 juga menyatakan Pihak Menuntut ada membuat tuntutan bagi pekerja lain iaitu Ganasan dan Enoch (rujuk COB 'A' mukasurat 63) dan atas arahan COW-1, COW-2 tidak memproses tuntutan itu. Tuntutan sebanyak RM845.80 (rujuk COB 'A' mukasurat 61 – 63) tidak diproses oleh COW-2 kerana tidak disertakan dokumen sokongan untuk diproses dan disemak. Berkaitan '*marriage benefit*', COW-2 menyatakan pada tahun 2012 Pihak Responden telah menghentikan pemberian itu kerana kewangan Syarikat yang lemah pada masa itu. COW-2 menyatakan Pihak Menuntut telah berkahwin pada September 2012 dan permohonan '*marriage benefit*' hanya dikemukakan kepada Pihak Responden pada

November 2012. Pemberian itu tidak diberikan kepada Pihak Menuntut kerana 'marriage benefit' telah dihentikan pada 5.10.2012. COW-2 juga menafikan bahawa resit-resit yang diberi oleh Pihak Menuntut kepada beliau selalu hilang atau salah letak.

### **KES PIHAK MENUNTUT**

[7] Pihak Menuntut mengemukakan 2 orang saksi untuk memberi keterangan iaitu;

Enoch Chong Ming Xian EX-R&D Engineer	-	CLW-1
Lim Yan Ting @ Quenna (Pihak Menuntut)	-	CLW-2

Enoch Chong Ming Xian (CLW-1) di dalam keterangan beliau di Mahkamah melalui kenyataan saksi yang ditanda sebagai CLWS-1, menyatakan beliau bekerja sebagai R&D Engineer di Syarikat Pihak Responden mulai 2.8.2010 hingga 2.4.2012. Pihak Menuntut merupakan rakan sekerja beliau di Syarikat Pihak Responden dan Dave orang yang mengetuai Syarikat ini. CLW1 tidak mempunyai apa-apa pengetahuan berhubung tindakan Pihak Responden memindahkan Pihak Menuntut ke Syarikat Device Sdn. Bhd. Berhubung cek di mukasurat 31 CLB, CLW-1 menjelaskan cek ini dibayar oleh Menon apabila beliau membeli barang yang dipohon oleh Menon. Mengikut keterangan CLW-1 Sanjay Menon merupakan rakan niaga kepada Dave di dalam Syarikat Pihak Responden dan CLW-1 tidak mempunyai pengetahuan samada

perkongsian Dave dan Menon telah berpecah. CLW-1 menyatakan adalah menjadi amalan pekerja untuk membeli barang atas nama Syarikat tetapi jika Ketua mereka menghendaki sesuatu barang dengan segera, pekerja akan membeli dahulu dan akan menuntut kepada Syarikat untuk mendapat bayaran semula.

[8] Pihak Menuntut di dalam kes ini (Lim Yan Ting @ Quenna) telah memberi keterangan melalui kenyataan saksi yang ditanda sebagai CLWS-2(A) dan (B) menyatakan beliau mula berkhidmat sebagai Product Engineer dengan Syarikat Pihak Responden mulai 15.6.2009 sehingga beliau ditamatkan perkhidmatan pada 5.2.2013. Mengikut keterangan Pihak Menuntut Syarikat, Pihak Responden terlibat dalam urusan bidang CCTV, Sistem Keselamatan dan khusus dalam bidang pemantauan, intelligence dan kawalan komunikasi. Syarikat Pihak Responden dimiliki oleh Mr. P. Deivendran sebagai Pengarah Urusan dan terdapat 4 lagi Syarikat di bawah kumpulan ini iaitu Vdosoff Sdn. Bhd., Device4U Sdn. Bhd., MEPS Devices Sdn. Bhd. dan Cardax Sales & Services Sdn. Bhd. yang dikenali sebagai IQL Group of Companies. Mengikut keterangan Pihak Menuntut, keseluruhan pekerja R&D Department telah dipindahkan ke Device 4U bertujuan untuk mendapatkan kontrak dari Kerajaan seperti berikut;

*'8. A: My understanding is this, I was at all times, work under the Company. Sometime in year 2011, I was informed that there was internal restructures, amongst others, for the reasons that:-*

*(a) The Company which was previously profitable suddenly became under heavy losses after AWC, a Public Listed Company took over,*

*and AWC approximately in year 2010 – 2012 wanted to have investigation on he accounts of the Company.*

- (b) Me and most of the employees of the Company on or about year 2010 – 2011 were asked to sign numerous documents.*
- (c) The entire R&D department of the Company was shifted to a company called Device4U Sdn. Bhd. under Dave's explanation that it was for the reason of getting Government contract.*
- (d) Dave had informed some of the staffs that he wanted to form another company and asked most of the staff to tender resignation letters to move to the other company, which I later found out that after their resignation, they were never employed (one of them were my ex-superior)."*

Device4U merupakan 'empty shell Company' dan diuruskan oleh Dave. Mengikut keterangan Pihak Menuntut bahawa gaji dan segala bonus masih dibayar oleh Syarikat Pihak Responden. Pihak Menuntut setuju untuk tandatangani surat bertarikh 1.11.2010 (rujuk mukasurat 25 COB). Pihak Menuntut menyatakan ;

*"12. A : I believe is good as my salary was increased from RM4,200.00 to RM4,500.00 per month in year 2009 – 2010, then RM4,815.00 per month in year 2011 and RM5,115.00 in year 2012.*

*(refer page 2 of the Claimant's Revised Bundle of Documents, page 14 of the Claimant's Revised Bundle of Documents (mark as Exhibit..), page 14 of the Claimant's Revised Bundle of Documents (mark as Exhibit ...), page 15 of the Claimant's Revised Bundle of Documents (mark as Exhibit.....) and page 20 of the Claimant's Revised Bundle of Documents (mark as Exhibit.....).*

13. A. : *I believe, based on the reasons mentioned above, that I was working for the Company and at all material time, I was working for the benefits of the Company whereby the Company is the Company with sustaining ongoing business. As far as I know, Device4U Sdn. Bhd. Has no independent projects and business, and it did not secure any government projects according to my knowledge for the past 4 years I was in the Company.”*

[9] Pihak Menuntut menafikan bahawa Pihak Responden ada mengeluarkan satu surat tunjuk sebab bertarikh 8.1.2013 kepada beliau (rujuk mukasurat 37 COB) dan Pihak Menuntut hanya tahu surat tunjuk sebab itu selepas Pihak Responden memfailkan Pernyataan Kes di Mahkamah dan jika benar tindakan Pihak Responden itu tidak munasabah kerana Pihak Menuntut hanya diberi tempoh 3 hari untuk menjawab iaitu pada 11.1.2013 dan pada 5.2.2013 iaitu satu minggu sebelum tahun baru cina Pihak Responden telah menamatkan perkhidmatan beliau.

**Pertuduhan salahlaku (rujuk COB mukasurat 38);**

(1) Pihak Menuntut di dalam kenyataan saksi di jawapan 19 berhubung bayaran yang telah dibuat oleh Menon Technologies (MTSB) menjelaskan Dave (MD) Timothy John Hutchison dan Sanjay Menon dalam 'personal capacity' mengarahkan Pihak Menuntut menggunakan nama dan akaun Pihak Menuntut untuk membeli barang-barang. Pihak Responden mengetahui urusan di atas (rujuk CLB Revised Bundle of Documents mukasurat 99 – 109).

(g) *Dave then held a meeting in the room and asked me why payment was received from Sanjay Menon. I told him that Sanjay Menon asked me to do so. It was then that Dave informed me that he had split with Menon and asked me not to do so in future, which I agreed. As you can see in pages 90 – 94 of the Claimant's Revised Bundle of Documents, I had similar purchases done for Dave and I did not know that they had split then.*

(h) *If you refer to the so called invoice from Kunming Electronics Company Ltd to Menon Technologies dated 15.5.2012 at page 32 of the Company's Bundle of Documents, it was for USD 0.15 sample and the termination happened 7 months after the Company knew about this incident. There was no complaints by the Company on this matter and I did not repeat this up to the date that I was terminated on 5.2.2013.*

- (i) *On the allegation of carrying out other employment or own business, this was not true, as I was not informed that Menon Technologies Sdn. Bhd. Was not owned by Dave and that menon at that time was still my superior although he did not come in to office on daily basis. I only get back my payment made on their behalf and there was no salary or personal gain on my side, Dave should know it as the mode of operation is the same as that I had assisted him in his sourcing of goods and samples.*

## **Pertuduhan 2 – Employment of Business Outside Employment**

Pihak Menuntut menegaskan bahawa beliau tidak ada pengetahuan bahawa Sanjay Menon tidak bekerja dengan Pihak Responden apabila Dave pada bulan Mei 2012 memberitahu Pihak Menuntut berkaitan urusan yang dilakukan oleh Pihak Menuntut dengan Menon (rujuk mukasurat 31 COB) sebelum 22.5.2012 dan Pihak Menuntut sebelum tarikh itu menganggap Menon merupakan superior beliau kerana Menon masih diberi ruang tempat bekerja di Syarikat Pihak Responden. Selepas dimaklumkan oleh Dave baru Pihak Menuntut tahu bahawa perkongsian Dave dan Menon telah berpecah dan Menon bukan bekerja dengan Syarikat Pihak Responden.

Berhubung dakwaan Pihak Responden terhadap Pihak Menuntut seperti dinyatakan dalam surat tunjuk sebab bertarikh 8.1.2013 (rujuk COB 37)

yang didakwa oleh Pihak Menuntut tidak menerimanya mendakwa Pihak Responden sengaja mengada-ngadakan cerita untuk menekan Pihak Menuntut dan surat penamatan bertarikh 5.2.2013 (rujuk COB mukasurat 38 – 39).

Pihak Menuntut sekali lagi menegaskan bahawa beliau hanya menerima surat penamatan kerja pada bulan Januari tanpa diberi surat tunjuk sebab atau surat amaran dan Pihak Menuntut mendakwa tindakan Pihak Responden menamatkan perkhidmatan beliau tanpa sebab dan alasan yang adil. Pihak Menuntut telah menjawab segala tuduhan itu sebaik menerima surat penamatan kerja pada 5.2.2013 tetapi penjelasan Pihak Menuntut tidak dijawab oleh Pihak Responden melalui surat penjelasan bertarikh 5.2.2013 (rujuk COB mukasurat 38 & 39).

## **UNDANG-UNDANG**

[10] Tugas Mahkamah Perusahaan di dalam kes-kes penamatan kerja di bawah seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan adalah untuk menentukan:

- (a) Samada ada penamatan kerja; dan
- (b) Samada penamatan kerja itu dengan sebab dan alasan yang adil.

Dalam kes ***Milan Auto Sdn. Bhd. v Wong Seh Yen (1995) 4 CLJ 449*** Azmi FCJ memutuskan (petikan dalam bahasa asal):

*“As pointed out by this recently in Wong Yuen Hock v Syarikat Hong Leong Assurance Sdn. Bhd. and Another Appeal (1995) 3 CLJ 344 the function of the Industrial Court in dismissal cases on a reference under s. 20 is twofold, firstly to determine whether the misconduct complained of by the employer has been established and secondly whether the proven misconduct constitutes just cause or excuse for the dismissal.” [Milan Auto]*

Dalam kes ***Wong Chee Hong v Syarikat Hong Leong Assurance Sdn. Bhd. & Another Appeal (1995) 3 CLJ 344***, telah diputuskan (petikan dalam bahasa asal):

*“On the authorities, we were of the view that the main and only function of the Industrial Court in dealing with a reference under section 20 of the Act (unless otherwise lawfully provided by the terms of reference) is to determine whether the misconduct or irregularities complained of by the management as the grounds of dismissal were in fact committed by the workman, and if so, whether such grounds constitute just cause or excuse for the dismissal.” [Wong Yuen Hock]*

## **BEBAN BUKTI**

[11] Beban pembuktian terletak di bahu Pihak Syarikat untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa Pihak Menuntut telah melakukan salahlaku seperti yang didakwa dan salahlaku tersebut wajar kepada pembuangan kerja Pihak Menuntut. Dengan merujuk prinsip dalam kes ***Century Mahkota Hotel, Melaka & Anor v Michele Geraldina Kessler (1999) 3 ILR 60*** (Award No. 553 of 1999) telah diputuskan (petikan dalam bahasa asal):

*“It is settle law that in cases of direct dismissal such as this, the burden is always on the employer to satisfy the court by way of cogent and convincing evidence, albeit on a balance of probabilities that such misconduct as are alleged have indeed been committed by the employees and if so, whether it deserve a dismissal.”*

Dalam kes ***Ireka Construction Berhad v Chantivarathan a/l Subramaniam James [1995] 2 ILR 11*** juga menegaskan tanggungjawab Majikan / Syarikat untuk kemukakan keterangan-keterangan yang menyakinkan dan boleh dipercayai untuk membuktikan tuduhan terhadap pekerja.

## **PENILAIAN KETERANGAN DAN DAPATAN MAHKAMAH**

[12] Mahkamah telah meneliti keterangan saksi-saksi Pihak Responden dan Pihak

Menuntut serta bukti dokumentar yang dikemukakan di hadapan Mahkamah. Peguam-peguam terpelajar kedua-dua pihak juga telah mengemukakan hujahan bertulis untuk rujukan Mahkamah.

[13] Daripada keterangan yang dikemukakan, Pihak Responden telah menamatkan perkhidmatan Pihak Menuntut pada 5.2.2013 (rujuk surat bertarikh 5.2.2013 di COB mukasurat 38 dan 39). Pihak Responden juga mendakwa bahawa satu surat tunjuk sebab bertarikh 8.1.2013 telah diberi kepada Pihak Menuntut (rujuk mukasurat 37 COB) tetapi Pihak Menuntut enggan menerima surat tersebut. Pertuduhan salahlaku yang dinyatakan oleh Pihak Responden di dalam surat tunjuk sebab ini ialah:-

- (1) *You have been found utilizing the Company's address and carrying out other employments or own business during the office hours of employment with the Company's business partner.*
  
- (2) *You have transactions in your account and our ex-employee's account paid by the Company's business partner."*

Daripada fakta yang dikemukakan, Pihak Responden telah menamatkan perkhidmatan Pihak Menuntut pada 5.2.2013. Pihak Responden menganggap tindakan Pihak Menuntut itu merupakan salahlaku yang serius di bawah kontrak pekerjaan dengan merujuk Klausula Non-Disclosure of Confidential Information. Pihak Responden telah memberi peluang kepada Pihak Menuntut sehingga 11.1.2013 untuk Pihak Menuntut memberi penjelasan. Pihak Menuntut mendakwa pada hari yang sama, **5.2.2013** beliau telah memberi penjelasan terhadap surat penamatan itu dan mendakwa satu

surat penamatan kerja berserta penjelasan Pihak Responden menolak penjelasan Pihak Menuntut telah dikemukakan oleh Pihak Responden seperti di dalam surat penamatan kerja kedua (rujuk mukasurat 38 dan 39 COB).

**Adakah Pihak Responden berjaya membuktikan tuduhan salahlaku pertama terhadap Pihak Menuntut?**

[14] Pihak Responden melalui keterangan COW-1 dan COW-2 mendakwa Pihak Menuntut menjalankan pekerjaan lain semasa waktu bekerja. Bukti yang dikemukakan oleh Pihak Responden melalui inbois dari Kunming Electronic Company Ltd. kepada Menon Technologies Sdn. Bhd. (rujuk mukasurat 32 COB) menunjukkan inbois itu untuk perhatian Pihak Menuntut. Mengikut keterangan saksi Pihak Responden mendakwa bahawa Menon Technologies yang dimiliki oleh Sanjay Menon bukan rakan kongsi Pihak Syarikat. Syarikat Pihak Responden dimiliki oleh Dave dan perkongsian Dave dan Sanjay telah tidak wujud dan Sanjay Menon bukan pekerja Syarikat lagi sejak bulan Mei 2012.

[15] Pihak Menuntut di dalam keterangannya menyatakan beliau beranggapan bahawa Sanjay Menon ialah Superior beliau dan rakan kongsi kepada Dave atas alasan pada masa itu tempat kerja Menon di sebelah tempat beliau bekerja dan beliau beranggapan masih menerima arahan dari Menon lagi. Pihak Menuntut juga menyatakan fakta bahawa Menon bukan rakan kongsi Dave dan bukan pekerja Pihak Responden tidak dalam pengetahuan beliau kerana Pihak Responden tidak membuat apa-apa pengumuman tentang perkara itu. Pihak Menuntut bersetuju selepas tarikh

itu pada bulan Mei 2012 Dave ada memberi amaran kepada beliau dan memaklumkan bahawa Sanjay Menon dan Dave bukan rakan kongsi lagi.

[16] Peguam Pihak Menuntut berhujah di dalam surat tunjuk sebab itu Pihak Responden menggunakan perkataan "Company's business partner" dan ini menunjukkan Pihak Responden mengaku bahawa Sanjay Menon dari Menon Technologies masih sebagai rakan kongsi Syarikat dan keterangan CLW-1 di Mahkamah adalah satu amalan biasa pekerja-pekerja membeli barang bagi pihak Syarikat dan tuntutan kepada Syarikat atas barang yang dibeli.

[17] Keterangan COW-1 dan COW-2 di Mahkamah tanpa disokong oleh keterangan Dave dan Sanjay Menon untuk menerangkan fakta ini kerana keterangan Dave dan Menon amat penting. Kedua-dua saksi ini tidak dipanggil untuk memberi keterangan di Mahkamah. Penjelasan Pihak Menuntut berkaitan Menon yang dianggap pekerja dan rakan kongsi Dave di Mahkamah lebih dipercayai dan menyakinkan Mahkamah. Berhubung dakwaan di atas, Mahkamah memutuskan Pihak Responden telah gagal membuktikan kesalahan salahlaku telah dilakukan oleh Pihak Menuntut.

[18] Tuduhan kedua seperti dinyatakan di dalam surat tunjuk sebab berkaitan Pihak Menuntut menjalankan transaksi dengan menggunakan akaun syarikat dan akaun bekas pekerja syarikat yang dibayar oleh Company's business partner. Berhubung dakwaan ini Pihak Responden melalui COW-1 dan COW-2 menyatakan slip cek di mukasurat 31 bayaran kepada Enoch Chong Ming Xian berjumlah RM4,000.00. CLW-1 menyatakan bayaran ini daripada Menon yang meminta beliau membeli barang dan Sanjay Menon merupakan rakan kongsi Dave dan CLW-1 tidak tahu bila Sanjay dan

Menon telah tidak menjadi rakan kongsi tetapi hanya dimaklumkan kemudian oleh Pihak Responden kedua-dua mereka tidak menjadi rakan kongsi. Mengikut keterangan CLW-1 menjadi amalan biasa mereka membeli dengan menggunakan nama Syarikat apabila diarah oleh Superior dan bayaran akan dituntut kepada Syarikat kemudiannya.

[19] Berhubung dakwaan Pihak Responden melalui COW-1 dan COW-2 berkaitan 'bank slip' yang dijumpai dimeja despatch pada Januari 2013, hujahan Peguam Pihak Menuntut bahawa keterangan saksi Pihak Responden tidak boleh dipercayai kerana:

(1) Inbois di mukasurat 39 COB dan bayaran di mukasurat 40 COB-1 menunjukkan kejadian berlaku pada masa yang berasingan iaitu Mei 2012 dan Januari 2013. Daripada keterangan menunjukkan inbois Kunming bertarikh Mei 2012 dijumpai di bakul sampah dan inbois-inbois lain dijumpai di atas meja despatch pada Januari 2013 kerana Penghantar Surat telah ditamatkan kerja pada September 2012. Ini menunjukkan keterangan COW-1 tidak konsisten dan penjelasan Pihak Menuntut bahawa perkara ini telah dimaklumkan kepada Dave pada Mei 2012 dan tidak sepatutnya dijadikan satu kesalahan pada bulan Januari 2013.

[20] Mahkamah telah meneliti segala penjelasan yang diberi oleh Pihak Menuntut di Mahkamah dan setelah menimbangkan keterangan-keterangan yang dikemukakan, Mahkamah memutuskan Pihak Responden juga telah gagal untuk membuktikan segala pertuduhan salahlaku itu dengan keterangan yang menyakinkan dan

dipercayai. Kegagalan Pihak Responden memanggil Dave dan Sanjay Menon untuk menerangkan fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh Pihak Responden berkaitan perkongsian antara Sanjay Menon dan Dave dan fakta yang dikemukakan oleh Pihak Menuntut berkaitan Dave telah maklum atau tahu tentang transaksi yang dijalankan oleh Pihak Menuntut sebelum Mei 2012 menunjukkan keterangan Pihak Menuntut lebih menyakinkan Mahkamah.

[21] Hujahan Peguam Pihak Menuntut bahawa tindakan Pihak Responden menamatkan pekerjaan Pihak Menuntut atas alasan Pihak Menuntut memohon faedah perkahwinan yang telah ditolak oleh Pihak Responden atas alasan pemberian faedah kahwin hanya sebagai satu pemberian sahaja dan bukan tertakluk dalam perjanjian pekerjaan. Keterangan Pihak Menuntut menunjukkan beliau telah mengemukakan permohonan faedah perkahwinan itu lebih awal tetapi tertangguh sejak 2011. Peguam Pihak Menuntut juga berhujah bahawa Pihak Responden telah gagal untuk mengemukakan sebarang bukti bahawa Pihak Menuntut telah diberi amaran secara bertulis atau kaunseling terlebih dahulu berhubung salah laku yang didakwa itu dan tindakan Pihak Responden mengemukakan surat tunjuk sebab dalam tempoh 8.1.2013 hingga 11.1.2013 untuk Pihak Menuntut menjawab menunjukkan niat Pihak Responden untuk menamatkan perkhidmatan Pihak Menuntut dengan segera dan Pihak Responden juga gagal untuk menjalankan siasatan dalaman. Apabila Siasatan Dalaman tidak dijalankan, Pihak Menuntut tidak diberi peluang untuk membela diri dengan sewajarnya.

## RUMUSAN DAN DAPATAN

[22] Setelah menimbangkan segala keterangan Mahkamah dengan berpandu seksyen 30(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 memutuskan penamatan kerja Pihak Menuntut pada 5.2.2013 dibuat tanpa alasan dan sebab yang adil. Oleh itu permohonan Pihak Menuntut dibenarkan.

## REMIDI

[23] Pihak Menuntut telah berkhidmat dengan Pihak Responden bermula pada 15.6.2009 sehingga ditamatkan perkhidmatan pada 5.3.2012 iaitu 3 tahun 8 bulan 20 hari. Gaji terakhir Pihak Menuntut ialah RM5,115.00 dan Pihak Menuntut merupakan pekerja yang telah disahkan di dalam jawatan. Perhubungan antara Pihak Menuntut dan Pihak Responden tidak begitu harmoni selepas tindakan kes ini dan selepas 6 bulan ditamatkan pekerjaan barulah Pihak Menuntut mendapat pekerjaan baru. Oleh itu remedi yang sesuai ialah:

### **Bayaran Gaji Kebelakang**

12 bulan x RM5,115.00 = RM61,380.00

### **Galangganti diambil bekerja semula**

3 bulan x RM5,115.00 = RM15,345.00

**Tuntutan Perubatan** = RM 222.80

<b>Pembelian dari poket</b>	=	RM 845.80
<b>Marriage Benefit</b>	=	RM 3,000.00
<b>Annual Leave</b>	=	<u>RM 365.36</u>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	=	<b><u>RM81,158.96</u></b>

Bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 40 hari selepas ditolak potongan statutory jika ada.

**DIPERTURUNKAN DAN BERTARIKH PADA 26 JANUARI 2018**

  
**(SAPINI BIN MAT SAMAN )**  
**PENGERUSI**  
**MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA**  
**KUALA LUMPUR**

